

PENGHAYATAN DAKWAH AKHLAK DI KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH NEGERI PERAK

APPRECIATION OF PREACHING ISLAMIC MORALITY AMONG SECONDARY SCHOOL STUDENTS IN PERAK

*ⁱMohd Syaubari Bin Othman, Abu Bakar Yusuf, Hasrul Hosshan, Abdul
Talib Mohamad Hashim

ⁱFakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak,
Malaysia

*Corresponding Author: e-mail: syaubari@gmail.com.

ABSTRAK

Konteks pembangunan ekonomi dan politik di dalam sesebuah negara, pembinaan akhlak dalam bentuk pembangunan manusia yang seimbang dan bersepadu akan menjamin pembangunan ekonomi yang mampan serta kekuatan politik yang akan menjamin kecemerlangan negara secara berterusan. Atas kesedaran tersebut, kepentingan akhlak sebagai suatu gagasan bagi menjamin pembangunan negara yang mampan dan seimbang dinyatakan dengan jelas sebagai salah satu di antara cabaran Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025. Pada masa yang sama, pelbagai dasar, sistem, perancangan strategik dan program yang dilaksanakan dalam amalan pendidikan di negara ini memberikan gambaran yang jelas terhadap komitmen pihak kerajaan untuk melahirkan generasi rakyat Malaysia yang memiliki keperibadian yang mulia dan seimbang. Namun, status sebenar penghayatan akhlak di kalangan pelajar sekolah menengah di Negeri Perak yang telah melalui sistem pendidikan di negara ini masih menjadi tanda tanya. Dapatan dari satu kajian tinjauan menunjukkan status keseluruhan penghayatan akhlak peribadi di kalangan pelajar sekolah menengah adalah pada tahap sederhana tinggi. Dapatan ini seterusnya menggambarkan pola penghayatan yang agak sederhana dalam beberapa aspek akhlak di kalangan pelajar sekolah menengah seperti personaliti sendiri, amalan seharian dan pengetahuan mengenai akhlak. Pendekatan kaedah tinjauan ini menetapkan daerah Manjung sebagai fokus utama dengan pembahagian kepada tiga pola utama iaitu pelajar yang mengikuti KAA, pelajar Islam yang mengikuti pembelajaran di SMJK (C) dan pelajar di SMK Harian. Dapatan mungkin memberikan sedikit gambaran tentang punca kepada beberapa masalah sosial yang dihadapi dalam masyarakat kini. Beberapa prospek penyelidikan turut dicadangkan bagi meneliti dengan lebih mendalam terhadap penghayatan akhlak di kalangan pelajar sekolah menengah khususnya di Negeri Perak

Kata Kunci: Akhlak, Dakwah, Pelajar

ABSTRACT

The context of economic and political development in a country, moral building in the form of balanced and integrated human development will guarantee sustainable economic development as well as political strength that will guarantee the continued excellence of the country. Based on this awareness, the importance of morality as an idea to ensure sustainable and balanced national development is clearly stated as one of the challenges of the Education Development Plan 2013-2025. At the same time, the various policies, systems, strategic planning and programs implemented in educational practice in this country provide a clear picture of the government's commitment to produce a generation of Malaysians who have noble and balanced personalities. However, the actual status of moral appreciation among secondary school students in the State of Perak who have gone through the education system in this country is still a question mark. Findings from a survey study show that the overall status of personal moral appreciation among secondary school students is at a moderately high level. This finding further illustrates a relatively simple pattern of appreciation in some aspects of morality among high school students such as independent personality, daily practices and knowledge about morality. This survey method approach sets the Manjung district as the main focus by dividing it into three main patterns, namely students who follow KAA, Muslim students who follow learning at SMJK (C) and students at SMK Harian. Findings may provide some insight into the causes of some social problems faced in today's society. Several research prospects were also suggested to examine more deeply the appreciation of morals among secondary school students, especially in the State of Perak

Keywords: *Ethics, Preaching, Students*

PENDAHULUAN

Kepentingan akhlak sebagai suatu gagasan bagi menjamin pembangunan negara yang mampan dan seimbang dinyatakan dengan jelas sebagai salah satu di antara cabaran Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 iaitu “*mewujudkan masyarakat bermoral dan beretika sepenuhnya, yang rakyatnya kuat beragama dan nilai kerohanian serta disemai dengan nilai etika paling tinggi*” (KPM, 2015). Berasaskan konteks pembangunan ekonomi dan politik di dalam sesebuah negara, pembinaan akhlak dalam bentuk pembangunan manusia yang seimbang dan bersepadu akan menjamin pembangunan ekonomi yang mampan (A’adawiyah, 2010; Habib Mat Som & Syed Kamaruzzaman, 2016) serta kekuatan politik yang akan menjamin kelangsungan dan kecemerlangan bangsa dan negara secara berterusan (Ab Halim & Mohd

Izham, 2007). Menurut konteks sosial, akhlak merupakan sendi yang mengikat kukuh perhubungan dalam sesebuah masyarakat sehingga dapat menjamin kewujudan, kestabilan, keamanan dan kesejahteraan di dalam masyarakat tersebut. Keruntuhan nilai akhlak di dalam sesebuah masyarakat bukan saja menjadi ancaman kepada kesejahteraan mental individu dalam masyarakat (Faridah, Zawiyah, Khairul Hamimah, Fuadah, 2008), malah turut menjadi punca sebenar kepada kemusnahan kerana keruntuhan nilai akhlak yang melemahkan setiap sendi sesebuah masyarakat (Ismail Bakar, 2010).

Para penyelidik kemasyarakatan Barat sendiripun menyedari tentang sendi-sendi kelemahan ini dan membuat kesimpulan terhadap keperluan kepada kembali kepada unsur-unsur pemurnian akhlak terutama sekali melalui agama (Nooraini, Salasiah, 2013). Sungguhpun demikian, realiti semasa menunjukkan petanda mengenai jurang yang semakin melebar di antara idealisme kepentingan akhlak dalam konteks pembangunan negara dengan kemelut sosial yang sedang dihidapi di dalam sesebuah masyarakat. Selain dari angka-angka penglibatan rakyat Malaysia secara umum di dalam aktiviti jenayah yang semakin bertambah setiap tahun, kegerunan terhadap gejala sosial ini semakin membimbangkan melalui kadar penglibatan golongan belia beragama Islam di dalam kancah tersebut (Wan Liz Osman, 2000), ini memberi suatu gambaran tentang gejala kemerosotan nilai akhlak yang sedang dialami oleh umat Islam di negara ini. Kesedaran dan kepekaan pihak-pihak yang berwajib terhadap punca-punca kemerosotan akhlak dan pentingnya peranan pendidikan didalam membentuk generasi yang berakhlak selari dengan rentak pembangunan negara tidak dapat dipertikaikan lagi.

Pelbagai dasar, sistem, perancangan strategik dan program yang dilaksanakan dalam amalan pendidikan di negara ini memberikan gambaran yang jelas terhadap komitmen pihak kerajaan untuk melahirkan generasi rakyat Malaysia yang memiliki keperibadian yang mulia dan seimbang. Selaras dengan komitmen tersebut, Kementerian Pendidikan juga telah menggubal konsep pendidikan bersepadu yang dilaksanakan melalui Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) bertujuan untuk mencapai hasrat pembentukan "*insan yang seimbang dan harmoni dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan*". Disamping itu, beberapa mata pelajaran khusus ditawarkan bagi membentuk akhlak dan moral pelajar seperti Pendidikan Islam,

Pendidikan Moral (teras sekolah rendah dan menengah), Pendidikan Al-Quran dan Al-Sunnah, Pendidikan Syariah Islamiah dan Tasawwur Islam (elektif sekolah menengah) (KPM, 2020).

Konsep Akhlak

Perkataan akhlak adalah kata jamak dari *khuluq*. Menurut Ibnu Athir, *khuluq* atau *akhlaq* ialah bentuk kejadian manusia dari sudutnya yang batin. Tokoh falsafah akhlak Islam, (Miskawaih, 1966) pula merumuskan akhlak ialah suatu keadaan bagi diri atau jiwa (*al-nafs*) yang mendorong diri atau jiwa untuk melakukan sesuatu perbuatan atau tindakan dengan senang tanpa didahului oleh daya pemikiran, kerana sudah menjadi sifat atau kebiasaan. Imam Al-Ghazali (tt) pula menghuraikan bahawa akhlak adalah suatu keadaan yang tetap dalam diri atau jiwa yang melahirkan tindakan, perlakuan, atau perilaku amalan dengan mudah tanpa memerlukan pemikiran. Ia merupakan suatu keadaan atau sifat yang ada di dalam diri atau jiwa manusia yang telah tetap, sehingga dengan mudah melahirkan perlakuan atau perilaku yang baik atau buruk tanpa difikir atau dirancang terlebih dahulu (Zulfan, 2001). Walau bagaimanapun, (Wan Muhamad, 2010) menegaskan kewujudan akhlak yang mulia terlihat di dalam sikap pengabdian (sikap dan tingkahlaku) seseorang hamba kepada Allah SWT dan kepada persekitarannya, baik kepada sesama manusia, mahupun terhadap alam sekitar.

(Ab. Halim & Zarin, 2002) merumuskan akhlak ialah satu set kepercayaan, undang-undang dan sistem yang berkaitan dengan kelakuan atau tindakan manusia yang menentukan sesuatu perkara itu baik atau buruk, dan betul atau salah dalam konteks ketauhidan manusia kepada Allah S.W.T. Dari segi perlakuan, beberapa istilah digunakan bagi menggambarkan keadaan luaran bagi fenomena akhlak yang wujud di dalam diri seseorang. Menurut (Ab Halim, 2010), fenomena luaran bagi akhlak dinamakan sebagai *suluk* (tingkahlaku) atau *muamalah* (perlakuan dalam pergaulan) yang menjadi tanda kepada keadaan akhlak yang wujud di dalam jiwa seseorang. Tingkahlaku atau perilaku yang baik, tekak dan bersahaja menandakan akhlak yang baik dan sebaliknya tingkahlaku yang buruk, tekak dan bersahaja menunjukkan keburukan akhlak yang ada pada jiwa seseorang. Secara lebih khusus dalam kehidupan seharian, fenomena akhlak yang lahir di dalam bentuk perilaku dan perbuatan juga disebut sebagai *adab*.

Menurut (Wren C.G, 1951), adab adalah istilah di dalam Bahasa Arab yang bermaksud adat, kebiasaan, etika dan tingkahlaku yang diikuti 4 dari orang-orang yang dianggap sebagai model. Adab di dalam Islam pula merujuk kepada tingkahlaku yang baik bagi sesuatu perkara yang diterima oleh Islam dari pengajaran-pengajarannya (Al-Kaysi, 2000). (Syed Ali Ashraf , 1990) pula merumuskan adab merupakan suatu sistem model tentang bagaimana manusia melaksanakan kehendak ketuhanan di dalam kehidupan seperti yang diteladani oleh Rasulullah saw dari pengajaran-pengajaran yang termaktub di dalam al-Quran dan al-Sunnah. Oleh kerana itu, menurut beliau, pendidikan dijelaskan sebagai proses membudayakan adab dan latihan kesedaran akhlak bersumberkan pembelajaran al-Quran dan al-Sunnah sekaligus mendidik manusia untuk melaksanakannya di dalam kehidupan individu dan sosial.

Sumber-sumber akhlak Islam, agama dan akhlak adalah dua perkara yang tidak dapat dipisahkan di antara satu sama lain (Darraz, 1973; Al-Attas, 1978; Syed Ali Ashraf, 1990; Mohd Sulaiman Yasin, 1992; Bello, 2001). (Syed Ali Ashraf, 1990) menegaskan seseorang tidak boleh menjadi seorang yang bertaqwa tetapi tidak berakhlak pada masa yang sama. Secara asasnya, sumber-sumber utama bagi akhlak Islam itu diambil dari dua asas utama Islam itu sendiri iaitu al-Quran dan al-Sunnah (Abdul Haq Ansari, 1989; Majid Fakhry, 1991; Zakaria, 1999b; Ab. Halim & Zarin, 2002; Jamiah Abd Manap et al, 2004). Walaupun demikian, menurut (Abdul Haq Ansari, 1989), satu lagi sumber yang harus diambilkira sebagai sumber akhlak ialah amalan para sahabat kerana mereka adalah golongan yang dilatih sendiri oleh Rasulullah s.a.w, kehidupan mereka penuh dengan nilai Islam dengan mencontohi Rasulullah s.a.w serta telah diiktiraf oleh baginda sebagai golongan terbaik.

(Mohd Sulaiman Yasin, 1992) pula menjelaskan nilai-nilai akhlak yang ada pada sesebuah masyarakat itu adalah warisan dan peninggalan yang dipercontohkan dan dihidupkan oleh tokoh-tokoh dan pejuang-pejuang akhlak yang dipelopori oleh para nabi dan rasul. Skop Akhlak Islam Untuk menghuraikan fungsi al-Quran sebagai asas perlembagaan akhlak, Muhammad Abdullah Darraz (1973) telah menggariskan nilai-nilai akhlak yang dipetik dari al-Quran dan membahagikannya kepada lima kategori iaitu; nilai akhlak peribadi, nilai akhlak kekeluargaan, nilai akhlak kemasyarakatan, nilai akhlak kenegaraan dan nilai akhlak keagamaan.(Jalaluddin & Usman, 1994) pula telah membahagikan akhlak Islam yang

bersumberkan Al-Quran dan al-Sunnah kepada sembilan kategori utama iaitu akhlak terhadap Allah, akhlak terhadap Rasul, akhlak terhadap Al-Quran, akhlak terhadap peribadi (diri), akhlak kedua orang tua, akhlak terhadap anak, akhlak dalam rumahtangga, akhlak terhadap sesama manusia dan akhlak terhadap lingkungan hidup.

Setiap kategori utama pula dipecahkan kepada beberapa subkategori yang berkaitan berdasarkan nas-nas dari Al-Quran dan hadis Rasulullah s.a.w. Jika diteliti kepada konstruk akhlak Al-Quran dan al-Sunnah, maka dapat dirumuskan bahawa akhlak Islam merangkumi beberapa dimensi psikologi iaitu sikap, sifat, tingkahlaku dan amalan secara langsung seperti keimanan kepada Allah dan Rasul (sikap), reda dengan ujian Allah (sifat), berdoa dengan penuh ketakutan dan mengharap (tingkahlaku) dan melakukan 5 salat fardu lima waktu sehari semalam (amalan secara langsung). Rumusan ini bersesuaian dengan konsep akhlak seperti yang dinyatakan oleh beberapa tokoh akhlak Islam seperti Imam al-Ghazali (t.t.) dan (Miskawaih, 1966). Untuk konteks sistem pendidikan yang diamalkan di Malaysia, konsep adab dan akhlak Islamiah yang terkandung di dalam kurikulum Pendidikan Islam sekolah rendah meliputi adab di dalam kehidupan harian, adab terhadap ibubapa dan keluarga, adab dalam kehidupan bersosial, adab menuntut ilmu, dan adab dengan al-Quran (Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam KSSR, 2018). Manakala di peringkat sekolah menengah pula, kandungan bidang adab dan akhlak Islamiah meliputi adab dalam kehidupan seharian, adab dalam kehidupan bersosial, adab dalam menunaikan ibadat, adab terhadap ibubapa dan keluarga, adab menuntut ilmu dan adab terhadap Allah dan Rasul. Selain dari itu, konsep akhlak juga turut dimasukkan di dalam beberapa bidang lain khususnya bidang tilawah al-Quran, hadis dan akidah (Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam KSSM, 2018).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian tinjauan telah dilakukan bagi mengenal pasti tahap penghayatan akhlak di kalangan pelajar sekolah menengah yang telah melalui proses pendidikan sekurang-kurang selama lima belas di peringkat sekolah rendah dan menengah rendah di Negeri Perak. Kajian tinjauan ini secara khusus bertujuan untuk mengenal pasti pola-pola penghayatan akhlak peribadi di kalangan pelajar sekolah menengah bagi tujuan kajian tindakan dan kajian lanjutan tentang hubungan penghayatan akhlak dengan aspek pengajaran dan pembelajaran dalam sistem

pendidikan sedia ada. Kajian tinjauan ini telah dijalankan di kalangan 350 orang pelajar Islam sekolah menengah di Negeri Perak

Sekolah dipilih secara rawak melalui teknik persampelan berkelompok untuk meneliti bagaimana jenis-jenis sekolah ini mempengaruhi penghayatan akhlak dikalangan pelajar. Pengutipan data kajian dilakukan dengan menggunakan instrumen Inventori Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah yang telah dibina berasaskan kategori dan senarai akhlak seperti yang disarankan oleh Al-Attas, 1978; Syed Ali Ashraf, 1990 & Azma 2006). Ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan akhlak dibina dalam bentuk pernyataan tingkahlaku akhlak dan dibahagikan menggunakan lima skala kekerapan berasaskan skala Likert. Item-item akhlak yang digunakan dalam inventori ini telah disahkan kandungannya oleh pakar-pakar dalam bidang Pendidikan Islam dari pelbagai institusi pendidikan tinggi tempatan. Kajian rintis kebolehpercayaan instrumen menunjukkan nilai pekali kebolehpercayaan alpha Cronbach yang tinggi iaitu 0.9561.

Analisis data kajian telah dilakukan secara deskriptif (min, sisihan piawai dan peratus) dengan menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS Versi 22.0). Item-item pernyataan yang dinyatakan secara negatif (sama dari segi konsep atau pernyataan bahasa) telah dikod semula mendapat gambaran sebenar penghayatan akhlak pelajar. Dapatan analisis deskriptif telah diinterpretasi berasaskan jadual yang disarankan oleh Nunally (1978) selain dari analisis deskriptif menggunakan peratus.

i. Instrumen Kajian

Instrumen kajian atau alat kajian yang digunakan dalam ujian ini adalah set soal selidik. Borang soal selidik ini terbahagi kepada dua bahagian. Pada bahagian I terdapat beberapa item berkenaan latar belakang responden. Pada bahagian II pula adalah instrumen yang terdiri daripadasoalan berkaitan persoalan penghayatan akhlak di kalangan pelajar. Semua soal selidik diteliti terlebih dahulu untuk memastikan responden telah mengikut arahan yang tepat agar dapat memberikan maklumat seperti yang diperlukan. Setelah berkeyakinan dengan item soal selidik, penyelidik menjalankan ujian terhadap responden kajian (Mohd Majid, 2005 ; Pallant J, 2010).

ii. Pengumpulan dan Analisis Data

Dapatan data yang diperolehi ini akan dianalisis oleh penyelidik bagi menjawab persoalan kajian ini. Daripada data yang diperolehi adalah diharapkan agar penyelidik dapat mengenalpasti penghayatan akhlak di kalangan pelajar sekolah menengah Negeri Perak.

Kebolehpercayaan untuk soal selidik ini berada pada tahap tinggi iaitu nilai Alpha Cronbach mencatatkan (0.82173). SPSS 20.0 digunakan untuk mencari nilai kekerapan, peratus dan min. (Mohd Majid, 2005; Pallant, 2010) Jadual 2 menunjukkan bagi nilai kebolehpercayaan melibatkan komponen personaliti sendiri, amalan dan pengetahuan dari aspek penghayatan akhlak

Jadual 1: Nilai Pekali Kebolehpercayaan Instrumen Soal Selidik

Pembolehubah	Nilai <i>Alpha Cronbach</i>
Personaliti Kendiri	0.7727
Amalan	0.8905
Pengetahuan	0.8020

Skala Likert lima mata digunakan dalam kajian ini. Kaedah skor yang digunakan ialah Sangat Tidak Setuju (STS) dengan skor 1 mata, Tidak Setuju (TS) dengan skor 2 mata, Kurang Pasti (KP) dengan skor 3 mata, Setuju (S) dengan skor 4 mata dan Sangat Setuju (SS) dengan skor 5 mata. Data yang diperolehi ini di analisis menggunakan statistik deskriptif yang melibatkan kekerapan, peratusan dan min.

Analisis Data

Data telah di ringkaskan dan di analisis berdasarkan jadual 3 berdasarkan analisis frekuensi dan peratus untuk jantina, umur, taraf pendidikan berdasarkan pelajar

Jadual 2: Analisis frekuensi dan peratus untuk jantina, umur, taraf pendidikan, pengalaman mengajar berdasarkan jumlah pelajar

Pemboleh Ubah	Frekuensi	Peratus
Jantina		
1) Lelaki	151	37.75
2) Perempuan	249	62.25
Umur		
1) 13-14 tahun	188	47.00
2) 15-16 tahun	113	28.25
3) 17-18 tahun	169	24.75

Berdasarkan jadual ini, taburan jantina bagi pelajar yang terlibat dalam kajian ini adalah terdiri daripada 151 lelaki dan 249 perempuan dengan majoritinya berumur di dalam lingkungan 13-18 tahun. Ini menunjukkan kebanyakan pelajar berada pada tahap produktif dalam amalan seharian dari perspektif akhlak. Perincian melibatkan taburan umur diklasifikasikan seperti berikut 13- 14 tahun seramai 188, 15-16 tahun seramai 113 orang dan pelajar yang berumur 17-18 tahun adalah seramai 169 orang.

DAPATAN KAJIAN

Huraian berdasarkan analisis deskriptif iaitu min serta gambaran setiap item kajian.

Jadual 3: Dapatan Keseluruhan Kajian

Pernyataan	Purata Min	Tahap
1. Personaliti Kendiri	3.45	Sederhana
2. Pengamalan	3.44	Sederhana
3. Pengetahuan Pelajar	3.40	Sederhana
Purata	3.43	Sederhana

PERBINCANGAN

Perbincangan berkaitan hasil dapatan kajian adalah berdasarkan komponen personaliti sendiri, pengamalan dan pengetahuan pelajar

i. Dapatan Personaliti Kendiri

Penyelidik mendapati penghayatan akhlak dala dikalangan para pelajar sekolah menengah berada pada tahap sederhana dengan purata min (3.45). Berdasarkan dapatan kajian, komponen personaliti sendiri yang mencatatkan peratusan min yang tertinggi adalah pelajar melaksanakan tingkah laku bersandarkan asuhan ibu bapa. Ini membuktikan ibu bapa sentiasa mengambil berat akhlak anak-anak dalam menentukan hala tuju kehidupan dan bersandarkan matlamat yang telah ditetapkan, tambahan lagi penghayatan akhlak mengandungi elemen-elemen sifat-sifat baik di dalamnya.. Namun begitu penambahbaikan yang perlu dijalankan adalah berkaitan persediaan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak kerana kerana masa yang diperuntukkan adalah terhad, maka pendekatan yang akan dijadikan contoh yang digunakan kebiasaan terhad kepada hanya satu atau dua sahaja. Dari segi keseluruhannya, kajian ini mendapati wujud penghayatan akhlak yang sederhana dalam elemen personaliti sendiri.

ii. Dapatan Pengamalan dalam Kehidupan Sehari-hari

Berdasarkan kajian pengamalan akhlak sehari-hari berada pada tahap yang sederhana dengan purata min (3.39). Berdasarkan dapatan kajian pengamalan kehidupan sehari-hari mencatatkan peratusan min yang tertinggi adalah pelajar melaksanakan ibadah solat menerusi amalan secara sukarela. Ini membuktikan pelajar menggunakan keupayaan pengetahuan amalan rukun Islam untuk melaksanakannya. Namun penambahbaikan yang perlu dijalankan adalah berkaitan ibu bapa perlu memberi masa kepada pelajar untuk berbincang untuk melaksanakan akhlak yang sesuai, ini pendekatan yang sukar dilaksanakan di peringkat sekolah menengah kerana faktor persekitaran yang mempengaruhi suasana

iii. Dapatan Pengetahuan Pelajar

Berdasarkan kajian, pengetahuan pelajar di aplikasi di dalam pengamalan sehari-hari berada pada tahap yang sederhana dengan purata min (3.40). Berdasarkan dapatan kajian bagi pengetahuan mencatatkan peratusan min yang tertinggi adalah pelajar menggunakan pengetahuan di dalam pengajaran manakala pelajar melakukan refleksi akhlak berdasarkan pengajaran yang diketahui. Ini membuktikan pelajar berupaya membentuk kemahiran pengetahuan akhlak dengan menyoal, memikir secara kritikal, melakukan refleksi dan pada membuat rumusan keseluruhan.

Namun begitu, kajian ini mendapati masih terdapat pelajar hanya memahami akhlak hanya bertujuan untuk peperiksaan sahaja bukannya untuk penguasaan ilmu kerana pelajar terikat dengan penilaian prestasi berdasarkan keupayaan dalam peperiksaan. Paradigma ini perlu diubah menerusi anjakan kepada keseluruhan sistem termasuk dasar, pentadbiran dan proses pelaksanaan.

RUMUSAN

Berdasarkan kajian ini telah mengemukakan data yang menunjukkan penghayatan akhlak secara signifikan mempunyai tahap sederhana. Pelajar-pelajar berkeyakinan akhlak perlu melalui dari aspek ilmu pengetahuan, kemahiran penggunaannya, dan nilai untuk menggunakan. Guru mempercayai kurang kesediaan dari pengguna ini akan menjejaskan penguasaan aspek ilmu pengetahuan dan akhir menjejaskan nilai akhlak. Data yang dikumpulkan ini melalui soal selidik

menyokong kajian-kajian sebelum ini amalan penghayatan akhlak adalah nadi kepada pembentukan masyarakat yang berkualiti

Maka dalam kajian yang seterusnya, elemen seperti sikap, kemahiran, pengetahuan dan nilai pelajar boleh menjadi fokus kajian dalam memastikan kerangka penghayatan akhlak dapat dibuadayakan dalam setiap aspek kehidupan. Kajian yang seterusnya boleh melibatkan penelitian amalan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) sama ada mempengaruhi kesan penghayatan akhlak berdasarkan elemen diri, keluarga dan masyarakat menggunakan analisis data kajian yang lebih mendalam dan terperinci.

ARAHAN : Berikut adalah maklumat yang berkaitan. Sila tandakan (/) mengikut penilaian dari sudut pandangan pelajar berdasarkan skala berikut

- (1) TP - TIDAK PERNAH
- (2) P - PERNAH
- (3) SS - SEKALI SEKALA
- (4) K - KERAP
- (5) AK - AMAT KERAP

Instrumen Penghayatan Akhlak Di Kalangan Pelajar Sekolah

Maklumat: Sila tandakan persetujuan (/) tentang kesesuaian item berkaitan berasaskan skala yang diberi

(PENGHAYATAN AKHLAK)							
Bil.	Item	T	P	SS	K	AK	Kod
1.	Saya menunaikan solat lima waktu sehari semalam						
2.	Saya melakukan hubungan seks						
3.	Saya minum minuman beralkohol						
4.	Saya menutup aurat						
5.	Saya sentiasa menutup pandangan						
6.	Saya bergaul bebas						
7.	Saya tidak berhemat dalam pergaulan						
8.	Saya marah apabila disebut kelemahan						
9.	Saya pastikan makanan yang digunakan adalah halal						

10	Saya sentiasa berkata benar						
11	Saya berlapang dada terhadap kebenaran						
12	Saya membuat keputusan ikut kehendak sendiri						
13	Saya sentiasa bersangka baik						
14	Saya seorang yang teguh pendirian						
15	Saya orang yang bersederhana						
16	Saya ikhlas dalam tindakan						
17	Saya suka memberi bantuan						
18	Saya tidak mudah berputus asa						
19	Saya sentiasa menghormati pandangan orang lain						
20	Saya sentiasa memelihara pandangan						
21	Saya pastikan menunaikan solat lima waktu						
22	Saya membantu ibu bapa						
23	Saya menerima apa juga keputusan						

24	Saya hanya menghabiskan masa di sekolah dengan berbual sahaja						
----	---	--	--	--	--	--	--

RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri dan Zarin Ismail. (2002). *Pendidikan Akhlak Dalam KBSM: Persepsi Pelajar Terhadap Konsep Akhlak. Prosiding Wacana Pendidikan Islam (Siri 1)*. Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, hal. 120-134.
- Ahmad Amin. (1974). *Kitab Al-Akhlaq*. Beirut, Lubnan: Dar al-Kitab al-‘Arabiy.
- Al-Attas, Syed Muhammad al-Naquib. (1978). *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: Muslim Youth Movement of Malaysia.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. (Tanpa tarikh). *Ihya’ Ulum al-Din*. Qahirah: Maktabah Zahran.
- Al-Kaysi, Marwan Ibrahim. (2000). *Morals and Manners in Islam*. Kuala Lumpur: Islamic Book Trust.
- Darraz, Muhammad Abdullah. (1973). *Dustur al-Akhlaq fi al-Qur’an*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Gabrieli, F. (1960). *Encyclopaedia of Islam (New Edition)*. London: Luzac & Co. Vol. I.
- Jalaluddin & Usman Said. (1994). *Filsafat Pendidikan Islam: Konsep dan Perkembangan Pemikirannya*. Jakarta: PT RajaGrafindo Persada.8
- Jamiah Hj. Manap, Azimi Hamzah, Sidek Mohd. Noah & Hasnan Kassan. (2004). *Prinsip Pengukuran Religiositi dan Personaliti Religiositi daripada Perspektif Islam*. Kertas kerja dibentangkan dalam International Seminar on Islamic Thought, 24-27 Disember 2004, UKM Bangi.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2002). *Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam KBSM*. Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pendidikan Malaysia.

- M. Umar Chapra. (1998). *Economic Development in Muslim Countries: a strategy for development in the light of Islamic Teachings:129-199 dalam Misbah Oreibi (Ed.). Contribution of Islamic Thought to Modern Economics*. Herndon, Virginia: The International Institute of Islamic Thought.
- Majid Fakhry. (1991). *Ethical theories in Islam*. Leiden: E.J. Brill.
- Miskawaih. Ahmad Ibnu Muhammad.(1966). *Tahdhib al-Akhlaq*. Suntingan C.K. Zuraik. Beirut: American University of Beirut.
- Mohd Kamal Hassan. (1988). *Pendidikan dan Pembangunan: Satu Perspektif Bersepadu*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise
- Mohd Sulaiman Haji Yasin. (1992). *Akhlaq Dan Tasawuf*. Bangi, Selangor: Yayasan Salman.
- Najati, Muhammad Uthman. (1993). *Al-Hadith al-Nabawiy wa 'Ilmu al-Nafs*. Beirut: Dar al-Syuruq.
- Nunally, J.C. (1978). *Psychometric theory*. New York: Mc Graw Hill Publication Company